

## REMAJA DAN ISU LGBT (LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER) DI MALAYSIA

*Noremy Md. Akbir, Fadzilah Abdullah dan Mohammad Rabim Kamaluddin*

Kini, kerap kali kita sering mendengar gelaran LGBT yang membawa maksud Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender hangat diperkatakan di media cetak, media elektronik mahupun media sosial. LGBT merupakan sekumpulan individu yang mempunyai perilaku seksual yang songsang, iaitu bercanggah dengan fitrah kehidupan manusia dan salah dari sudut agama mahupun norma masyarakat khususnya di Malaysia. Menurut Lerner (2006), kumpulan LGBT didefinisikan sebagai individu atau kumpulan yang mengalami jantina dan kerumitan seksualiti. Sungguhpun begitu, kumpulan LGBT ini semakin aktif dan giat dalam masyarakat hari ini. Apa yang lebih membimbangkan ia turut melibatkan golongan remaja yang merupakan aset dan permata buat negara. Penglibatan remaja dalam gejala LGBT ini adalah sesuatu yang amat membimbangkan dan perlu dibincangkan secara terbuka agar gejala ini dapat dibendung secara holistik.

Oleh itu, bab ini akan membincangkan senario LGBT di Malaysia, diikuti dengan perbincangan faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam LGBT antaranya orientasi peranan seksualiti semasa kecil, personaliti semula jadi, ketagihan kesan pengalaman mengalami gangguan seksual dan bertujuan untuk mendapatkan sokongan material. Selain itu, pengaruh rakan sejenis, kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah dan kurang kawalan dan perhatian daripada ibu bapa juga merupakan faktor yang mendorong remaja untuk terlibat dalam gejala LGBT, seterusnya faktor kesunyian dan juga bertujuan untuk memenuhi keinginan seksual yang tinggi. Oleh yang demikian, bab ini turut membincangkan intervensi yang bersesuaian untuk mencegah gejala LGBT ini bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

## SENARIO LGBT DI MALAYSIA

Homoseksualiti telah didaftarkan dalam *Diagnostic and Statistical Manual II* (DSM-II) sejak 1973 sebagai salah satu penyakit mental. Manakala pada 1990, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation*) telah memutuskan transgender sebagai individu yang mempunyai masalah kecelaruan mental. Namun, berdasarkan beberapa penyelidikan yang dijalankan, mendapati terdapat banyak fakta yang bercanggah dengan homoseksualiti ini, sehingga pada 2013 *Gender Identity Disorder* telah dipersetujui untuk dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai bukan lagi penyakit mental sepertimana dalam DSM-5 (Russo, 2017). Menurut Azman *et al.* (2019), *lesbian* adalah wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga sebagai perempuan homoseksual. *Gay* pula adalah lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya dan dikenali sebagai lelaki homoseksual.

Manakala biseksual merujuk kepada individu yang cenderung untuk melakukan hubungan seks sama ada dengan lelaki mahupun wanita. Transeksual atau transgender adalah individu lelaki atau perempuan yang berpenampilan berbeza daripada orientasi seks sebenar dan kadang kala melakukan pembedahan bagi menukar organ jantinya. Golongan ini menganggap identiti jantina mereka sepatutnya berbeza dengan alat seks mereka secara fisiologi. Secara umumnya, istilah Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) melibatkan dua kelompok yang berbeza di mana golongan lesbian, gay dan biseksual adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai orientasi seks secara songsang dan sering diikaitkan dengan pelbagai aktiviti tidak bermoral dalam kehidupan seharian mereka. Sebaliknya, transgender pula melibatkan kecelaruan pemikiran seseorang individu tentang identiti jantina mereka sendiri (Suhazeli, 2018).

Sungguhpun begitu, tingkah laku bagi kedua-dua kumpulan tersebut telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak. Ia bertentangan sama sekali dengan norma masyarakat dan sudut pandangan Islam. Seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, sesungguhnya hubungan sejenis adalah dilarang sama sekali. Allah SWT pernah berfirman dalam al-Quran yang